

Pelaksanaan Jendela tepat pada masa

Kuala Lumpur: Keutamaan akan diberikan kepada pembangunan pendigitalan dalam Pelan Tindakan Sektor Perkhidmatan Baharu 2021-2025 untuk melengkapkan Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela), kata Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, semua program baharu mengenai pendigitalan di bawah pelan tindakan itu akan menyokong dan melengkapkan semua inisiatif Jendela sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan kesejahteraan rakyat.

Katanya, kerajaan me-



MOHAMED Azmin

rangka inisiatif Jendela untuk meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan serta menetapkan asas untuk 5G.

"Ini akan dicapai melalui pendekatan secara berperingkat bermula dengan inisiatif jangka pendek, me-

maksimumkan sumber dan infrastruktur yang sedia ada untuk memastikan rakyat mendapat sambungan jalur lebar yang maksimum.

"Seterusnya, infrastruktur teknologi tinggi yang diperlukan akan disediakan untuk mempercepatkan peralihan kita kepada teknologi tanpa wayar 5G," katanya dalam ucapan pada Leadership and Digital Summit 2020: Go B.I.G with Digital di sini, semalam.

Mohamed Azmin berkata, sebagai penyokong kadar penggunaan teknologi dan transformasi digital yang lebih tinggi dan cepat, pelaksanaan Jendela tepat pada masanya dan akan menjadi pemangkin utama

untuk mendorong negara ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi.

Beliau berkata, kerajaan memberi tumpuan kepada meningkatkan pelaburan langsung asing, menggalakkan produktiviti dan mengembalikan semula keyakinan pengguna.

Memberi keutamaan kepada bidang penting seperti meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan, meningkatkan penggunaan teknologi dan pendigitalan dalam sektor awam dan swasta serta memastikan pasaran tenaga kerja yang stabil perlu untuk aliran pelaburan dengan nilai tambah tinggi berterusan ke negara ini.